

Ditembak rempuh polis

Tiga ditahan termasuk seorang pelajar bersama kereta curi gagal lolos kepungan polis

>>Oleh Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Seorang pelajar tingkatan empat sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya antara tiga lelaki ditahan selepas kereta curi dinaiki mereka merempuh polis selain cuba melarikan diri sebaik menyedari dikepung, malam kelmarin.

Dalam kejadian di Plaza Tol Lebu Raya Damansara Puchong (LDP) arah Bandar Sunway, di sini, pemandu kereta Honda Civic itu yang juga bekas tahanan Ordinan Darurat dan seorang penumpang hadapan cedera akibat terkena tiga das tembakan.

Insiden yang berlaku kira-kira jam 10 malam itu menyebabkan pemandu terbabit terkena dua das tembakan di bahu kiri dan penumpang sebelahnya terkena satu das tembakan di pinggang, namun pelajar le-



FOTO | Saifullizan Tamadi

Metro 21/7/12
M5 22.

CARI BUKTI...unit forensik memeriksa lokasi tiga suspek curi kereta yang ditembak polis.

laki itu yang duduk di belakang cuba melarikan diri, tetapi berjaya diberkas polis. Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Ya-

haya Ramli berkata, dua pegawai polis Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang sedang melakukan rondaan ce-

gah jenayah dan terserempak kereta yang dinaiki ketiga-tiga penjenayah di Bandar Kinrara, dekat sini dalam keadaan mencurigakan.

“Hasil semakan mendapati kereta berwarna hitam berkenaan adalah kereta curi. Polis kemudian mengekori kereta itu dan pada masa sama memaklumkan kepada unit peronda polis yang bertindak menghalang laluan di hadapan tol LDP menghala Bandar Sunway.

“Ketika melalui tol itu, pemandu kereta terbabit menyedari dikepung polis cuba melarikan diri dengan merempuh sebuah kereta Perodua Myvi di depannya. Mereka kemudian mengundur kereta dan cuba melanggar pegawai polis yang sudah keluar daripada kereta jenis Proton Wira dinaiki sebelum merempuh kereta berkenaan,” katanya ketika ditemui.

Menurutnya, akibat tindakan nekad itu, polis terpaksa melepaskan tiga das tembakan dan mengenai kedua-dua penjenayah yang duduk di depan manakala seorang lagi keluar daripada kereta itu untuk melarikan

diri, namun sempat ditahan. “Kedua-dua suspek berusia 19 dan 24 tahun itu yang cedera di bahu kiri dan pinggang dihantar ke Hospital Serdang untuk rawatan. Manakala seorang lagi suspek dibawa ke IPD Serdang untuk siasatan lanjut.

“Hasil siasatan awal mendapati pemandu kereta terbabit mempunyai tiga rekod jenayah lampau membabitkan curi kenderaan dan samun manakala dua lagi suspek tiada rekod jenayah,” katanya.

Yahaya berkata, polis percaya suspek aktif menjalankan kegiatan curi kereta di sekitar Lembah Klang dan kereta yang dinaiki itu dilaporkan dicuri pada 4 Jun lalu di kawasan Petaling Jaya.

Katanya, unit forensik tiba di tempat kejadian untuk melakukan pemeriksaan lanjut tidak menemui sebarang senjata di dalam kereta berkenaan. Bagaimanapun, siasatan terperinci sedang dijalankan.